


JABATAN PERDANA MENTERI

Maksud Bekalan/Pembangunan 6



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
4,922,469,000	Cara Langsung 11,019,328,300 Pinjaman 0	15,941,797,300

MISI

Menerajui agenda pembangunan negara menerusi perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian serta penambah nilai kepada dasar dan program Kerajaan selaras dengan Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dalam menuju Wawasan 2020.

PELANGGAN

- (i) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong;
- (ii) Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Negeri-negeri;
- (iii) Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim;
- (iv) YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Anggota Pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri;
- (v) Bekas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong;
- (vi) Bekas Perdana Menteri;

- (vii) Kementerian dan Jabatan Persekutuan;
- (viii) Kerajaan-kerajaan Negeri;
- (ix) Badan-badan Berkanun;
- (x) Ahli Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara);
- (xi) Tetamu luar negara;
- (xii) Pegawai dan kakitangan Kerajaan; dan
- (xiii) Orang awam.

OUTCOME

- (i) Peningkatan pertumbuhan sosioekonomi dan pembangunan negara yang lebih seimbang;
- (ii) Pengukuhan perpaduan rakyat dan peningkatan keselamatan negara;
- (iii) Pertumbuhan sosioekonomi di wilayah pembangunan;
- (iv) Peningkatan tahap pematuhan undang-undang dan peraturan;
- (v) Peningkatan tahap kepuasan pelanggan terhadap sistem penyampaian kehakiman;
- (vi) Peningkatan kompetensi, kualiti dan produktiviti modal insan;
- (vii) Peningkatan kefahaman dan penghayatan Islam;
- (viii) Peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam; dan
- (ix) Transformasi persekitaran ekonomi yang lebih kondusif.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN

Objektif – Memberi perkhidmatan sokongan termasuk pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, keselamatan, sosial dan lain-lain kepada warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan dan arahan yang telah ditetapkan.

Aktiviti 1 : Jabatan Perdana Menteri

Objektif – Menentukan pengurusan sumber manusia, kewangan, pembangunan, perakaunan dan khidmat pengurusan dilaksanakan mengikut dasar, perundangan/peraturan dan garis panduan semasa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus projek lewat jadual (%)	6.6	9	9
Bil. produk inovasi yang dihasilkan	45	20	20
Bil. pegawai yang mengikuti latihan kepakaran dalam bidang utama	2,855	600	600
Bil. mesyuarat utama diadakan	56	57	57
Peratus pematuhan pengurusan kewangan tahunan jabatan/agensi mencapai 80% (%)	84.9	85	85

Aktiviti 2 : Penyelidikan

Objektif – Membantu meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan negara, memperkasakan kedaulatan negara serta memelihara dan memartabatkan imej negara di persada antarabangsa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. laporan keselamatan (geostrategik, sosioekonomi, politik)	1,250	250	300
Bil. projek khas dijalankan	10	10	10
Bil. sumber manusia yang kompeten	65	65	65
Bil. peningkatan jaringan	880	880	880

Aktiviti 3 : Kawal Selia FELDA

Objektif – (a) Merangka, menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek pembangunan sosioekonomi dan pemantapan kesejahteraan hidup warga FELDA selaras dengan arahan dasar YAB Perdana Menteri yang menghendaki perancangan dasar, program dan aktiviti FELDA serta pelaksanaannya diberi fokus dan mendapat perhatian langsung daripada Kerajaan; dan (b) Menjamin keseimbangan dalam pembangunan negara yang melibatkan kawasan bandar dan luar bandar bagi generasi kedua dan ketiga serta peneroka akan digembleng untuk memajukan tanah rancangan sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang besar.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. laporan tahunan FELDA	1	1	1
Bil. Nota/Memorandum Jemaah Menteri	1	2	3
Bil. nota makluman	6	24	12
Bil. laporan pemantauan projek/pembangunan FELDA	24	25	25
Bil. pemantauan tadbir urus FELDA	3	3	3

Aktiviti 4 : Seranta FELDA

Objektif – (a) Menjelaskan, memastikan dan menyalurkan semua dasar Kerajaan yang akan dilaksanakan, sedang dilaksanakan dan telah dilaksanakan kepada warga FELDA dengan kerjasama agensi-agensi di bawah JPM; (b) Menjalankan fungsi sebagai pengantara dan pemudah cara antara kementerian, agensi-agensi Kerajaan dengan warga FELDA di seluruh Malaysia; (c) Menilai keberkesanan dan keperluan program-program pembangunan dan dasar-dasar Kerajaan agar diterima serta disokong sepenuhnya oleh warga FELDA dan negeri secara amnya; (d) Merealisasikan amanat YAB Perdana Menteri selaku menteri yang

bertanggungjawab tentang FELDA agar setiap program pembangunan warga FELDA diberikan fokus serta mendapat perhatian langsung daripada Kerajaan serta lima (5) teras utama FELDA dicapai dengan jayanya; (e) Melaksanakan program-program Ikatan Hati Warga Felda (IKTIRAF) sebagai ejen penghubung antara generasi baru warga FELDA dengan Kerajaan agar kumpulan ini berterusan menyokong usaha Kerajaan dalam pembangunan warga belia.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. laporan-laporan berkala	377	310	624
Bil. program yang dilaksanakan	34	28	21

Aktiviti 5 : Bahagian PERMATA

Objektif – Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Penyelarasan Dasar PERMATA Negara dan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya serta memberikan khidmat pengurusan, operasi, penyelarasan, pemantauan dan sokongan dalam pelaksanaan Program PERMATA Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. urus setia kepada Majlis Pelaksanaan Program PERMATA dan Jawatankuasanya	2	2	2
Bil. pengoperasian Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN)	88	88	93
Bil. pemantauan standard dan kualiti kurikulum PERMATA Negara melalui sistem jaminan kualiti PERMATA Q	16	50	240
Bil. kemasukan kanak-kanak ke Program PERMATA Kurnia	150	300	300
Bil. penyelarasan Program PERMATA II	6	6	6

Aktiviti 6 : Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan

Objektif – (a) Memberi khidmat keurusetiaan yang cekap dan berkesan kepada Jemaah Menteri dan Ketua Setiausaha Negara yang juga menjadi Setiausaha Jemaah Menteri serta mengesan pelaksanaan keputusan-keputusan Kerajaan; dan (b) Memastikan maklumat terperingkat Kerajaan diuruskan dengan berhati-hati selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan Kerajaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. surat pelantikan	70	60	60
Bil. keputusan mesyuarat tertinggi Kerajaan	56	75	75
Bil. Warta Kerajaan (Percetakan Akta)	13	20	20
Bil. jawapan soalan Parlimen	1,786	2,000	2,000
Bil. maklum balas mesyuarat	4,386	2,000	2,000

Aktiviti 7 : Lembaga Penasihat

Objektif – (a) Mempertimbangkan representasi (rayuan) Orang Tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan dan membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong dalam

masa tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan representasi Orang Tahanan atau dalam tempoh lebih lama yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong; dan (b) Mengkaji semula kes-kes Perintah Tahanan, Pelanjutan Perintah Tahanan, Penggantungan Perintah Tahanan, Penggantungan Pelanjutan Perintah Tahanan, Perintah Sekatan dan Pelanjutan Perintah Sekatan mengikut masa yang diperuntukkan oleh undang-undang yang berkaitan dan mengemukakan laporan bertulis mengenai pendapatnya, kepada Menteri Dalam Negeri, sama ada Perintah Tahanan atau Perintah Sekatan itu diteruskan atau dihentikan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985	899	900	900
Bil. Akta Pencegahan Jenayah (POCA)	662	700	700

Aktiviti 8 : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan

Objektif – Menjadi pusat rujukan kepada semua isu berkenaan keselamatan perlindungan meliputi keselamatan fizikal, dokumen dan personel serta keselamatan, di samping menggubal, mengeluarkan dan menentukan dasar keselamatan perlindungan untuk dilaksanakan dengan sempurna.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. naziran / inspektorat	1,194	1,361	1,361
Bil. program kesedaran keselamatan perlindungan	187	168	168

Aktiviti 9 : Biro Tatanegara

Objektif – (a) Mengendalikan pelbagai kursus dan seminar pemupukan patriotisme kepada semua lapisan masyarakat termasuk anggota komuniti institusi pendidikan, belia, pekerja awam dan swasta, anggota pertubuhan, serta pemimpin dan pemaju masyarakat; (b) Mewujudkan media penyampaian pendidikan kenegaraan kepada semua rakyat Malaysia melalui media elektronik dan cetak; (c) Mewujudkan kumpulan kader dan sukarelawan Biro Tatanegara di seluruh negara melalui program latihan lanjutan *task force* dan khidmat masyarakat; (d) Meningkatkan kualiti Program Bina Negara melalui kegiatan penyelidikan; dan (e) Melaksanakan penyelidikan mengenai keberkesanan dasar-dasar Kerajaan dan kajian mengenai kerengangan antara Kerajaan dan rakyat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. latihan merangkumi seminar, kursus, bengkel dan lain-lain	2,281	1,674	2,100
Bil. terbitan kenegaraan seperti buletin, laporan, bahan ilmiah dan lain-lain	42,000	51,000	49,000
Bil. latihan kepada tenaga penggerak (penceramah, fasilitator, pengkuliahan dan lain-lain)	320	400	400

Aktiviti 10 : Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa

Objektif – Menguruskan istiadat dan protokol negara, penganugerahan darjah-darjah Kebesaran Persekutuan, lawatan pembesar-pembesar negara dan persidangan antarabangsa yang terbaik berteraskan kecemerlangan kerja yang berkualiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. penganjuran majlis rasmi Kerajaan	23	27	30
Bil. majlis penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat persekutuan	1,773	1,800	1,800
Bil. bantuan kemudahan teknikal dalam penganjuran persidangan antarabangsa kepada kementerian/jabatan/agensi kerajaan	66	50	45
Bil. bantuan protokol dan khidmat nasihat kepada Kementerian/Jabatan/Swasta (agensi pelaksana)	300	300	350

Aktiviti 11 : Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif (SMPKE)

Objektif – (a) Menyediakan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sentiasa *high availability* dan tahap keselamatan yang terjamin untuk menyokong pentadbiran dan pengurusan membuat keputusan dengan cepat, tepat dan berkesan; dan (b) Menjadikan ICT sebagai pemangkin untuk meningkatkan kualiti, produktiviti dan kecekapan pegawai dan kakitangan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus kebolehsediaan infrastruktur ICT (%)	99.1	99	99
Peratus Indeks Kepuasan Pelanggan ke atas penyampaian perkhidmatan meja bantuan SMPKE (%)	80	80	80
Peratus tahap penggunaan aplikasi dalaman Pejabat Perdana Menteri (%)	92	80	80

PROGRAM 2 : UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)

Objektif – (a) Merangka dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negara; (b) Menyediakan rancangan pembangunan jangka sederhana dan panjang; (c) Menyediakan peruntukan pembangunan untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11); (d) Memantau dan menilai program serta projek pembangunan berdasarkan kepada enam (6) teras RMKe-11; (e) Melaksanakan penyelidikan ekonomi dan menasihati Kerajaan mengenai isu-isu ekonomi; dan (f) Melaksanakan pengurusan nilai bagi projek-projek pembangunan bernilai RM50 juta dan ke atas serta menyediakan khidmat nasihat teknikal, kejuruteraan dan kos projek pembangunan.

Aktiviti 1 : Perkhidmatan Korporat

Objektif – Memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan menepati masa dalam pengurusan dan pembangunan sumber secara optimum meliputi sumber manusia, kewangan dan akaun, pentadbiran am, keurusetiaan, perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perundangan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. program peningkatan kapasiti dan keupayaan sumber manusia	44	25	25
Bil. khidmat sokongan ICT	7	8	8
Bil. khidmat perundangan	128	140	140

Aktiviti 2 : Perancangan Ekonomi

Objektif – Menjadi agensi pusat utama dalam perancangan pembangunan negara, pengagihan sumber dan pemantauan prestasi perbelanjaan kementerian/agensi untuk mencapai pertumbuhan mampan dan inklusif bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat ke arah negara maju pada tahun 2020.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pengemaskinian rangka kerja ekonomi makro	6	2	2
Bil. projek Rancangan Malaysia Lima Tahun	22	17	17
Bil. kajian dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negara	6	3	3
Bil. Notis Perubahan (NOC)	684	500	500

Aktiviti 3 : Dasar

Objektif – Menjadi agensi pusat utama dalam perancangan pembangunan negara, pengagihan sumber dan pemantauan prestasi perbelanjaan kementerian/agensi untuk mencapai pertumbuhan mampan dan inklusif bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat ke arah negara maju pada tahun 2020. Selain itu, turut bertindak selaku pemudah cara pihak berkepentingan yang melibatkan kerja-kerja keurusetiaan Majlis Ekonomi dan Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kajian dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negara	3	3	3
Bil. Mesyuarat Majlis Ekonomi dan Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara	39	42	42
Bil. Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Pemerksaan Ekonomi Bumiputera	4	4	4

PROGRAM 3 : UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (UPP)

Objektif – Menjadi agensi pusat yang unggul dalam menyelaras dan memantau pembangunan negara.

Aktiviti 1 : Penyelarasan Projek Khas

Objektif – (a) Menentukan pengurusan dan pelaksanaan tugas-tugas khas dan projek di bawah Peruntukan Khas, Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam dan Infrastruktur Asas teratur dan berkesan; dan (b) Memastikan pelaksanaan Mesyuarat Jentera Penyelarasan Pelaksanaan selaras dengan Arahan No. 1/2010.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara	1	2	2
Bil. Mesyuarat Majlis Tindakan Negara	1	2	2
Bil. Mesyuarat Aku Janji Kerajaan Persekutuan	2	4	4
Bil. Mesyuarat Penyelarasan Sektor Projek Khas	1	4	4
Bil. sesi naziran projek fizikal di setiap negeri	14	14	14

Aktiviti 2 : Pusat Transformasi Penyampaian

Objektif – Menjadi agensi pusat utama bagi memantau pelaksanaan dasar, strategi, program dan projek pembangunan serta menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan cekap dan berkesan supaya pelaksanaannya selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. lawatan pemantauan	1,316	1,080	1,080
Peratus prestasi penyelesaian masalah yang dikenalpasti (%)	87	75	75
Bil. pelaporan prestasi pengemaskinian data SPPII dan pelaporan prestasi pencapaian kementerian	72	72	72
Bil. pelaksanaan aktiviti inspektorat bagi semua kementerian	1	1	1
Bil. pelaksanaan aktiviti penilaian <i>outcome</i> bagi semua semua kementerian	1	1	1

Aktiviti 3 : Pembangunan Strategik

Objektif – (a) Memastikan pengurusan kewangan, personel dan teknologi maklumat jabatan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan keperluan organisasi dan memberi khidmat bantuan dan sokongan yang terbaik kepada pelanggan; dan (b) Memantau keberkesanan strategi dan objektif dasar penyusunan semula masyarakat dan dasar pengagihan kekayaan negara serta memastikan pelarasan pelaksanaan projek-projek ekonomi utama Kerajaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus dan pembangunan (%)	98	90	90
Peratus kes isi rumah eKasih dibuat verifikasi dan pemutihan (%)	95.3	90	90
Peratus lawatan ke tapak projek/program bumiputera Sabah dan Sarawak (%)	14	15	15
Bil. Mesyuarat Penyelarasan			
- Mesyuarat Penyelarasan Bersama Agensi-agensi di Sabah dan Sarawak	13	12	12
- Mesyuarat Majlis Bumiputera Pulau Pinang, Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Program/Projek Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang dan PERDA	6	8	8

PROGRAM 4 : MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

Objektif – Memastikan penggubalan dan penyelarasan serta pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara serta arahan langkah-langkah keselamatan dikendalikan secara terancang, komprehensif dan bersepadu.

Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan

Objektif – Memastikan semua bahagian dan MKN Negeri diberi khidmat sokongan yang meliputi pengurusan personel termasuk pelantikan, urusan perkhidmatan dan perjawatan, latihan, pengurusan kewangan, perolehan dan pentadbiran dijalankan secara cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus kehadiran kursus warga MKN sebanyak 7 Hari (%)	83	83	84

Aktiviti 2 : Komunikasi Strategik

Objektif – Memastikan aktiviti komunikasi strategik dilaksanakan secara terancang dan berterusan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat terhadap kepentingan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus tahap kefahaman masyarakat dan kakitangan kerajaan terhadap dasar-dasar kerajaan (%)	86	86	84

Aktiviti 3 : Urus Setia Majlis Keselamatan Negara

Objektif – (a) Memantapkan dasar-dasar keselamatan negara dengan mengemaskini dasar dan arahan berkaitan keselamatan negara; (b) Memperkukuhkan ketahanan nasional; dan (c) Memastikan hak-hak kedaulatan negara sentiasa terpelihara daripada sebarang ancaman.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus penyelarasan pengurusan keselamatan negara (%)	82	82	83

Aktiviti 4 : Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan)

Objektif – Memastikan perancangan, penempatan dan pengusiran pendatang tanpa izin di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan secara teratur dan berkesan demi menjamin kepentingan keselamatan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus penempatan Pendatang Luar Negeri (PLN) di pusat tahanan sementara (%)	77	77	78

Aktiviti 5 : Keselamatan Negeri

Objektif – Memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di peringkat negeri terpelihara daripada ancaman keselamatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus keputusan mesyuarat yang telah diambil tindakan (%)	85	85	86

PROGRAM 5 : JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Objektif – (a) Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat; (b) Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, berdedikasi dan berhikmah; dan (c) Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.

Aktiviti 1 : Pengurusan

Objektif – (a) Memberikan perkhidmatan dalam urusan pentadbiran am, pengurusan sumber manusia dan kewangan yang cekap dan berkesan kepada semua bahagian di JAKIM; dan (b) Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan hal ehwal Islam di negara ini melalui sistem pengurusan yang berkesan melalui ICT.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran diproses	10,521	11,000	12,000
Peratus pengisian perjawatan (%)	90	90.78	94
Bil. mesyuarat pengurusan JAKIM	10	12	12
Bil. hits portal JAKIM	1,098,301	1,200,000	1,400,000

Aktiviti 2 : Dasar

Objektif – (a) Menyelaras dan menyeragamkan undang-undang Islam seluruh Malaysia dan menguatkuasakan undang-undang syarak negeri-negeri; (b) Mengawal penyelewengan akidah oleh kumpulan yang menyeleweng dan mengancam keselamatan negara; (c) Menerajui usaha-usaha penyelidikan isu-isu semasa dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalat; dan (d) Membangunkan dan menyelaras pengurusan pendidikan Islam sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. program dianjurkan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa	53	63	64
Bil. pensijilan halal dalam dan luar negara	5,886	6,769	7,446
Bil. kajian dan pemantauan	2,569	4,355	2,437
Bil. program penyelarasan pengurusan dan pembangunan fatwa dalam dan luar negara	20	24	23
Bil. program penyelarasan meningkatkan kualiti pendidikan	12	14	13

Aktiviti 3 : Pembangunan Insan

Objektif – (a) Melahirkan kader-kader pendakwah dan ilmuwan Islam melalui program latihan di institusi-institusi latihan Islam; (b) Memantau dan menyelaraskan pelaksanaan dasar-dasar Islam; (c) Meningkatkan kolaborasi rangkaian dakwah dengan badan-badan bukan Kerajaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan (d) Menerajui gerakan dakwah secara bersepadu dengan kumpulan sasar melalui dakwah bil-hal, media cetak, media elektronik dan media-media baharu.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. program dakwah	510	500	550
Bil. penerbitan dan penyiaran rancangan TV dan radio	5,532	3,056	5,572
Bil. penerbitan majalah, buku dan risalah dakwah	30	35	30
Bil. program pembangunan keluarga Islam dan pembangunan sosial	115	120	120
Bil. kursus asas dan induksi, program pembangunan dan pemantauan standard kualiti pengurusan pusat latihan dan pusat akademik	114	66	72

Aktiviti 4 : Darul Quran

Objektif – (a) Melatih pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam ilmu tahfiz Al-Quran dan Pengajian Islam; (b) Melahirkan *huffaz* (hafiz dan hafizah) serta *qurra* (qari dan qariah) yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu Islam dan Al-Quran; dan (c) Melahirkan *du'at* (pendakwah) pendidikan dan para imam yang terlatih.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. <i>huffaz</i> berjaya ditauliahkan	484	483	450
Bil. <i>huffaz</i> yang mahir dalam pembacaan Al-Quran di peringkat Pengajian Sarjana Muda kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	36	34	30
Bil. peserta penganjuran pengajian kursus jangka pendek Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran kepada orang awam	24	24	25

Aktiviti 5 : Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Objektif – Bertanggungjawab berkaitan hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan dan mencegah kesalahan jenayah syariah di sekitar Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. operasi yang dijalankan	150	155	165
Bil. kes yang diambil tindakan	1,288	1,500	1,700
Bil. pengurusan Sekolah Rendah Agama (SRA)/ Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI)/ Sekolah Menengah Agama (SMA)	87	91	95
Bil. pentadbiran kelas Al-Quran dan fardhu ain (KAFA)	84	84	86

Aktiviti 6 : Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

Objektif – Memantapkan Pegawai Pengurusan Hal Ehwal Islam sebagai penjawat awam yang bertaqwa, kompeten dan cekal menghadapi cabaran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. peserta kursus berjaya dilatih	8,446	8,000	8,150
Bil. kursus dijalankan	148	125	130
Bil. peserta kursus sijil tinggi	282	250	200
bil. program sijil tinggi	6	8	6

Aktiviti 7 : JAKIM Sabah

Objektif – (a) Memberi perkhidmatan pengurusan yang cekap, berkesan dan berkualiti dari segi pengurusan pejabat, pengurusan perkhidmatan pegawai/kakitangan dan pengurusan kewangan; dan (b) Mempertingkatkan kualiti modal insan, pengurusan dan pentadbiran kepada masyarakat berdasarkan ajaran Islam.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. program dakwah	280	150	320
Bil. program pendidikan KAFA	121	65	130
Bil. program penyelidikan dan pementapan akidah	18	22	20
Bil. program di pusat latihan Islam	260	120	150
Bil. program penerbitan dan perhubungan awam	12	8	10

Aktiviti 8 : JAKIM Sarawak

Objektif – (a) Memberi perkhidmatan pengurusan yang cekap, berkesan dan berkualiti; dan (b) Menyebarkan dakwah serta memantapkan Islam kepada masyarakat dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kemasukan pelajar ke Institusi Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)	215	226	236
Bil. program dan aktiviti dakwah	255	94	94
Bil. penyertaan kursus latihan rohani di pusat-pusat latihan JAKIM di Sarawak	14,294	8,000	8,000

PROGRAM 6 : BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH (BPH)

Objektif – Menguruskan keperluan kuarters, ruang pejabat dan tempat istirehat supaya kondusif dan selesa untuk Anggota Perkhidmatan Awam serta menyelenggara, mengawal selia dan merancang penggunaan hartanah milik Kerajaan Persekutuan dengan cekap dan berkesan.

Aktiviti 1 : Pentadbiran, Kewangan dan Teknologi Maklumat

Objektif – (a) Memberi perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dalam bidang pentadbiran, perkhidmatan, kewangan dan perakaunan yang menepati objektif program secara keseluruhannya; dan (b) Membantu, menyedia, membangun dan menyelaraskan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi BPH.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. siri hari bertemu pelanggan secara talian	12	12	12
Bil. pemeriksaan aset	1	1	1
Peratus pegawai dan kakitangan menghadiri kursus 7 hari (%)	99.5	95	95
Bil. penyelenggaraan SISPINTAR	25	25	25

Aktiviti 2 : Pembangunan

Objektif – (a) Merangka dan mengurus projek pembangunan seperti Bangunan Gunasama Persekutuan, Rumah Peranginan/Penginapan Persekutuan dan Projek Khas; (b) Menyediakan kertas cadangan dan dokumentasi berkaitan pembangunan projek serta kajian keperluan dari jabatan/agensi Persekutuan terlibat; dan (c) Merangka, menggubal dan menambah baik dasar-dasar bahagian yang berkaitan dengan pekeliling, peraturan, garis panduan berkaitan penggunaan dan pengurusan aset.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pemantauan projek pembangunan BPH	4	7	8

Aktiviti 3 : Pengurusan Kuarters

Objektif – (a) Mengurus permohonan dan pengagihan kuarters kepada Anggota Perkhidmatan Awam secara cekap dan berkesan; (b) Menjaga dan mengawal selia harta dan tanah Kerajaan bawah kawalan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya, Petaling Jaya, KLIA dan Kompleks Imigresen dan Kastam Johor Bahru; (c) Memastikan kuarters tidak disalah guna seperti disewakan kepada orang lain, dijadikan tempat berniaga dan

penguatkuasaan ke atas penghuni hilang kelayakan kerana bersara; dan (d) Penguatkuasaan tanah milik Kerajaan Persekutuan agar tidak dicerobohi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pemantauan, pemeriksaan, penguatkuasaan kuarters	400	400	400
Bil. program pembangunan komuniti	8	9	10
Bil. program dan aktiviti kemasyarakatan	16	18	20
Bil. kuarters yang diseliasa oleh BPH	26,859	26,654	27,550

Aktiviti 4 : Penyelenggaraan Kuarters

Objektif – Memastikan kuarters Kerajaan diselenggara dengan baik supaya berada dalam keadaan kondusif, selesa dan selamat untuk diduduki.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kuarters kosong yang diselenggara	2,004	2,000	2,000

Aktiviti 5 : Pengurusan Ruang Pejabat

Objektif – Menentukan ruang pejabat/bangunan yang diduduki atau disewa oleh jabatan/kementerian mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kelulusan permohonan penyewaan	700	700	750
Bil. naziran pemantauan penyewaan ruang pejabat di premis bukan milik Kerajaan Persekutuan	20	30	35
Bil. laporan lawatan pemantauan Bangunan Gunasama Persekutuan	40	40	40
Bil. mesyuarat bersama Pengerusi JPP Bangunan Gunasama Persekutuan bagi 4 zon	16	16	16
Bil. naziran pemantauan penyewaan ruang komersial di wisma/Bangunan Gunasama	15	20	25

Aktiviti 6 : Pengurusan Rumah Peranginan

Objektif – Menentukan segala aspek dalam pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan (RPP), Rumah Penginapan Persekutuan (RP) dan Rumah Transit dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berada pada tahap kerja yang tinggi.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. laporan program <i>Zero Defect</i>	12	12	12
Bil. laporan statistik RPP/RP/Rumah Transit	12	12	12

PROGRAM 7 : UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Objektif – Meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam Malaysia supaya lebih cekap, berkesan, responsif dan berintegriti.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif – Menyediakan perancangan korporat serta memastikan perkhidmatan sokongan dalam urusan kewangan, perkhidmatan, pentadbiran pejabat dan khidmat bantuan teknikal diberi dengan cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. penganjuran kursus/seminar/bengkel	192	145	206
Bil. penganjuran mesyuarat	175	168	221
Bil. penyediaan ucapan/laporan	115	53	157
Bil. baucar disediakan	4,956	5,200	5,200
Bil. taklimat/lawatan	70	79	87

Aktiviti 2 : Pembangunan Pengurusan dan Transformasi

Objektif – Memastikan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengesanan dan pemantauan ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti agensi-agensi Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan melalui program-program pembaharuan dan pemodenan pentadbiran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. lawatan inspektorat/lawatan kerja berjadual	17	14	14
Bil. lawatan <i>mystery shopping</i>	78	55	55
Bil. khidmat perundingan pelan strategik/ISO/ Petunjuk Prestasi Utama (KPI)/Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK)/Manual Prosedur Kerja (MPK)/Fail Meja (FM)	176	169	169
Bil. seminar/bengkel	37	28	28
Bil. pengurusan/pemantauan projek	29	20	18

Aktiviti 3 : Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik

Objektif – Merancang, menyelaraskan, memantau, memacu serta membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam perkhidmatan awam seterusnya meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang awam dan sektor perniagaan dengan lebih cekap dan berkualiti secara elektronik.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. idea baru/kertas konsep/kertas kerja	43	36	35
Bil. kajian pengurusan ICT	23	21	22
Bil. khidmat perundingan ceramah/taklimat	302	140	268
Bil. seminar/bengkel	142	105	179
Bil. pengurusan/pemantauan projek	645	514	223

PROGRAM 8 : JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Objektif – (a) Memantapkan kapasiti organisasi JKSM bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan; (b) Menyeragamkan Sistem Kehakiman dan Perundangan Syariah Malaysia; (c) Memanfaatkan teknologi ICT bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan; dan (d) Membangunkan jaringan kerjasama strategik dengan agensi berkepentingan bagi mempertingkatkan kualiti dan profesionalisme pengurusan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. program penyelarasan pentadbiran kehakiman	10	15	17
Bil. Arahan Amalan Mahkamah Syariah yang disediakan dan diluluskan	9	6	7
Bil. alasan penghakiman yang diluluskan oleh Lembaga Jurnal Hukum	38	40	42
Bil. program peningkatan kompetensi pegawai	81	56	75

PROGRAM 9 : MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)

Objektif – Melaksanakan sistem keadilan Islam yang adil dan cekap berlandaskan hukum syara' dan undang-undang negara yang digubal.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus jumlah kes syariah yang diuruskan dan diselesaikan (%)	87	91	92

PROGRAM 10 : BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)

Objektif – Meningkatkan prestasi pengurusan aduan sektor awam yang meliputi aktiviti-aktiviti berikut: (a) Penyelesaian keseluruhan aduan awam; (b) Penyelesaian dalam tempoh 15 hari bekerja; dan (c) Indeks Kepuasan Pelanggan yang mencapai tahap cemerlang dan baik.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus kadar penyelesaian aduan (%)	99	92	92
Peratus kadar penyelesaian aduan dalam tempoh 15 hari bekerja (%)	66.5	85	85
Peratus Indeks Kepuasan Pelanggan (%)	85.2	88	88

PROGRAM 11 : INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

Objektif – Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam bidang kehakiman dan

perundangan bagi mewujudkan perkhidmatan yang adil, cekap dan berkesan melalui latihan yang sistematik dan terancang.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kursus dikendalikan	54	104	114
Bil. peserta kursus	1,475	3,120	4,109

PROGRAM 12 : BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)

Objektif – Memastikan perancangan dan pelaksanaan prasarana bagi menambahbaik sistem pentadbiran keadilan dan penyelarasan penggubalan dasar serta undang-undang secara cekap, teratur dan berkesan.

Aktiviti 1 : Pentadbiran Am

Objektif – Memastikan perancangan dan pelaksanaan prasarana bagi menambah baik sistem pentadbiran keadilan dan penyelarasan penggubalan dasar serta undang-undang secara cekap, teratur dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus rayuan pengampunan (%)	100	100	100
Bil. menyediakan prasarana dan pembangunan mahkamah	37	44	59
Peratus melaksana pendaftaran pemerbadanan pemegang amanah (%)	133	60	60
Bil. program berkaitan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP)	2	4	2
Peratus pengurusan teknologi maklumat (%)	99.6	99.6	99.6

Aktiviti 2 : Jabatan Bantuan Guaman

Objektif – Memberi perkhidmatan bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkelayakan dengan cekap, tepat dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus kes yang difailkan di mahkamah (%)	83	83	84
Peratus kes pengantaraan pihak-pihak hadir melalui perjanjian penyelesaian (%)	75	77	80
Peratus penyelesaian masalah undang-undang melalui khidmat nasihat lisan dalam tempoh ditetapkan (%)	83	83	84
Peratus kursus/latihan yang dilaksanakan (%)	80	80	83
Peratus kes yang difailkan ke mahkamah diselesaikan dalam tempoh ditetapkan (%)	70	70	73

Aktiviti 3 : Jabatan Insolvensi Malaysia

Objektif – Memastikan urusan pentadbiran dan perkhidmatan insolvensi dilaksanakan selaras dengan kehendak undang-undang dan keperluan pelanggan dengan cekap, tepat dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pembayaran dividen bagi kes kebangkrapan	14,367	14,958	15,706
Bil. pengosongan akaun amanah bagi kes kebangkrapan	7,871	14,872	15,616
Bil. pembayaran dividen bagi kes penggulangan syarikat	377	360	380
Bil. pengosongan akaun amanah bagi kes penggulangan syarikat	1,258	4,000	1,000

PROGRAM 13 : PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Objektif – Memastikan urusan kehakiman dilaksanakan dengan cekap, telus dan adil berlandaskan prinsip undang-undang negara serta dihormati dan diyakini oleh semua pihak.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kes diselesaikan :			
(i) sivil	465,584	482,158	646,164
(ii) jenayah	1,729,133	1,717,837	1,715,491
Bil. kes rayuan sivil diselesaikan			
(i) Mahkamah Tinggi	2,410	2,409	2,457
(ii) Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan	4,500	4,456	4,501
Bil. kes rayuan jenayah diselesaikan			
(i) Mahkamah Tinggi	2,340	2,314	2,364
(ii) Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan	1,255	1,240	1,327

PROGRAM 14 : BAHAGIAN HAL EHWAL PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (BHEPMM)

Objektif – Merancang, merangka, menggubal dan memantau dasar-dasar penguatkuasaan maritim serta membantu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menjadi sebuah agensi yang cekap dengan menyediakan peralatan dan infrastruktur melalui pembangunan dan perolehan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. prasarana dan infrastruktur yang mencukupi	3	3	3
Bil. penyediaan dasar dan garis panduan	3	3	3

PROGRAM 15 : PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Objektif – (a) Meningkatkan kefahaman umat Islam melalui program berteraskan keilmuan; (b) Memperkasakan Pemegang Tauliah Mengajar; (c) Memantapkan kefahaman umat Islam melalui bahan cetak; (d) Menjalankan kerja-kerja penyelidikan bagi membincangkan isu Islam semasa; dan (e) Membina portal atau sistem berkompoter bagi tujuan dakwah dan perkongsian ilmu hal ehwal Islam.

